



**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
ARAS 1-5, BLOK E12  
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62604 PUTRAJAYA**



Ruj. Kami : KP(PP) 0040/94/7 Jld. 54 ( )  
Tarikh : 1 Zulhijjah 1427H  
22 Disember 2006

Semua Pengarah Bahagian /Jabatan  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Semua Pegawai Pelajaran Daerah(PPD)

Semua Pegawai Pelajaran Gabungan(PPG)

Semua Pengarah Institut Perguruan(IPG)

Semua Pengarah Politeknik

Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

Semua Pengarah Kolej Komuniti

Semua Agensi Pengurusan Bagi Penempatan  
Pegawai Pinjaman/Kader Pegawai Perkhidmatan Pelajaran

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**KADAR BAYARAN SEMAKAN SEMULA DAN PENGGANTIAN SLIP KEPUTUSAN  
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa berkuatkuasa **mulai 1.1.2007**, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mendapat kelulusan agensi pusat bagi mengenakan kadar bayaran semakan semula dan penggantian slip keputusan PTK. Pengenaan kadar bayaran ini adalah bagi tujuan *cost recovery* kepada pihak Kerajaan.

3. Kadar yang dikenakan adalah seminima mungkin berbanding kos yang ditanggung oleh Kerajaan. Berikut adalah kadar bayaran yang diluluskan.

### 3.1 Semakan Semula PTK

<b>Bil</b>	<b>Kategori/ Gred Pegawai</b>	<b>Kaedah Penilaian PTK</b>	<b>Kadar (RM)</b>	
(a)	i	PPPS Gred DG54/ DG52/ DG48/ DG44	Kursus	<b>200</b>
	ii	PPPS Gred DG41	Peperiksaan	<b>100</b>
(b)	i	PPPLD Gred DGA34	Kursus	<b>100</b>
	ii	PPPLD Gred DGA32/ DGA29/ DGA17 (KUP)	Peperiksaan	<b>50</b>
(c)	Pegawai/ Kakitangan Staf Sokongan Bukan Guru Gred N11/ N14/ N17/ N22/ J17/ J22/ C17/ C22/ W17/ W22	Peperiksaan	<b>30</b>	
(d)	Pegawai/ Kakitangan Staf Sokongan dengan kelulusan SRP/ PMR ke bawah	Ujian Khas	-	

### 3.2 Penggantian Slip Keputusan

<b>Permohonan Penggantian Slip</b>	<b>Kadar (RM)</b>
Permohonan Kali Pertama (tahun yang sama)	<b>20</b>
Permohonan Kali Kedua (tahun yang sama)	<b>30</b>
Permohonan Kali Ketiga (tahun yang sama)	<b>50</b>

4. Tindakan yang perlu diambil oleh calon-calon yang ingin memohon adalah seperti berikut:

#### 4.1 Semakan Semula PTK

- a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang BPSSPTK-1/2007 dan perlu dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing. Sila rujuk borang berkenaan seperti di lampiran.
- b) Sertakan salinan kad pengenalan yang telah disahkan
- c) Sertakan salinan slip keputusan PTK yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan.
- d) Sertakan Wang Pos atau Kiriman Wang atas nama Ketua Akauntan Kementerian Pelajaran Malaysia . Wang tunai/ cek tidak diterima.(Bagi Kursus dan Peperiksaan PTK sahaja)
- e) Permohonan hendaklah sampai kepada Setiausaha, Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 1-5, Blok

E12, Kompleks Kerajaan Parcel E, 62604 Putrajaya (u.p: Cawangan Pembangunan Manusia & Latihan) selewat-lewatnya **sebulan** selepas tarikh keputusan PTK diumumkan.

- f) Sertakan dua sampul surat beralamat sendiri (alamat tempat bertugas terkini) dan bersetem 30 sen setiap satu.
- g) Jika permohonan dihantar melalui pos, tulis perkataan **SEMAK SEMULA PTK** di penjuru kiri sebelah atas sampul surat.

#### 4.2 Penggantian Slip Keputusan PTK

- a) Kemukakan surat rasmi yang menyatakan alasan dan dihantar kepada:
  - **Kursus/Ujian Khas PTK** – Setiausaha, Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 1-5, Blok E12, Kompleks Kerajaan Parcel E, 62604 Putrajaya (u.p: Cawangan Pembangunan Manusia & Latihan)
  - **Peperiksaan PTK** – Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia, Persiaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan(u.p : Setiausaha Bahagian Pengendalian PTK-SSM).
- b) Sertakan salinan kad pengenalan yang disahkan
- c) Sertakan slip keputusan peperiksaan asal yang salah atau rosak (jika ada)
- d) Sertakan Wang Pos atau Kiriman Wang. Wang tunai/cek tidak diterima.
  - **Kursus/Ujian Khas PTK** – atas nama Ketua Akauntan Kementerian Pelajaran Malaysia.
  - **Peperiksaan PTK** – atas nama Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia.
- e) Sertakan dua sampul surat beralamat sendiri (alamat tempat bertugas terkini) dan bersetem 30 sen setiap satu.
- f) Jika permohonan dihantar melalui pos, tulis perkataan **PENGGANTIAN SLIP PTK** di penjuru kiri sebelah atas sampul surat.

5. Walau bagaimanapun, segala urusan **Ujian Khas PTK bagi calon-calon dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia** hendaklah dikemukakan terus kepada Bahagian Pembangunan Manusia dan Latihan, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

memandangkan urusan tersebut telah dilaksanakan sepenuhnya oleh KPTM mulai tahun 2005.

6. Pihak tuan adalah diminta untuk memanjangkan maklumat ini kepada semua pihak di bawah seliaan tuan. Kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“CINTAILAH BAHASA KITA”**

Saya yang menurut perintah,

**(HJ. ADNAN BIN HJ. YUSOFF)**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Sumber Manusia  
Kementerian Pelajaran Malaysia

**s.k.**

KSU KPM

KSU KPTM  
(u.p : Bahagian Pengurusan Sumber Manusia &  
Bahagian Pembangunan Manusia dan Latihan)

KPPM KPM

TKSU(SM) KPM

Semua TKPPM KPM

SUB BSM

Semua TSUB(BSM)

Ketua Eksekutif  
Majlis Peperiksaan Malaysia

***“PENGURUSAN BERKUALITI MENJAYAKAN WAWASAN”***